



Reformasi pengajian tinggi

AGENSI Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah diisytiharkan penubuhannya oleh Menteri Pengajian Tinggi, **Datuk Mustapa Mohamed**, pada 2 November 2007 di Putrajaya.

Penubuhan MQA ini bertujuan untuk menggantikan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) sebagai badan jaminan kualiti dan Akreditasi tunggal negara sekaligus melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) yang akan berperanan sebagai titik rujukan kelayakan kebangsaan.

Kata Mustapa, pembangunan MQF dan penubuhan MQA telah dirancang dengan teliti dan dengan konsultasi yang menyeluruh untuk memastikan agar pelaksanaan MQF dapat diterima ramai.

"Kini kita memiliki sebuah agensi tunggal yang akan menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara baik bagi sektor awam mahupun swasta. Pada masa yang sama, kita juga memiliki satu kerangka kelayakan rasmi yang menyatupadu dan mengklasifikasikan secara teratur dan rapi semua kelayakan pengajian tinggi negara.

Menjenamakan

"Penubuhan MQA juga bukan satu *rebranding exercise* atau menjenamakan semula LAN. MQA adalah satu kesinambungan, pengembangan dan pengluasan fungsi, tanggungjawab dan tugas jaminan kualiti dan akreditasi pengajian tinggi yang telah dilaksanakan oleh LAN sejak 10 tahun lalu," katanya.

Beliau turut menyatakan bahawa LAN telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang dan berjaya mencapai tiga kejayaan penting di bawah kepimpinan empat orang Pengerusi/Ketua Eksekutifnya bermula dengan Profesor Datuk Dr. Mohamed Suleiman, Profesor Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, dan Profesor Tan Sri Mohamed Salleh Mohamed Yasin hinggalah ke era pimpinan Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein.

Pertama, LAN telah berjaya membersihkan sistem pendidikan tinggi swasta daripada beberapa unsur tidak sihat yang mencemar kualiti. Misalnya amalan menganugerahkan diploma dalam tempoh sesingkat enam bulan atau penawaran program tanpa persiapan yang mencukupi.

Seiring itu juga, LAN telah membina asas-asas utama kepada kerangka kelayakan kebangsaan melalui pelaksanaan jam kredit minimum dan pembentukan piawai dan kriteria serta penetapan ciri-ciri khusus dan wajib bagi kelayakan di setiap peringkat sijil, diplo-

Untuk menjadikan Malaysia destinasi pilihan pengajian tinggi, keyakinan awam terhadap pendidikan tinggi negara perlu terus menerus dipertingkatkan. Masyarakat hari ini, baik domestik mahupun antarabangsa, amat kritikal tentang kualiti pendidikan tinggi.



MUSTAPA Mohamed melancarkan penubuhan MQA di Putrajaya, baru-baru ini.

ma dan ijazah.

Kedua, kegigihan LAN membangunkan sistem jaminan kualiti mengikut cara kita sendiri yang setanding dengan amalan bijak antarabangsa. LAN terlibat secara aktif dalam perbincangan kualiti (*quality conversations*) di forum-forum antarabangsa dan sering menjadi rujukan kepada negara-negara di rantau ini yang berusaha membangunkan sistem jaminan kualiti dan kerangka kelayakan kebangsaan masing-masing.

Ketiga, kesungguhan LAN menamakan budaya kualiti di kalangan IPTS dan menimbulkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kualiti di samping menimba pengalaman dan mema-

tangkan dirinya dalam arena jaminan kualiti.

Walaupun baru berusia sepuluh tahun dan antara agensi jaminan kualiti pengajian tinggi yang terawal ditubuhkan di rantau Asia Pasifik, LAN telah berjaya membantu memantapkan IPTS yang menjadi klien utamanya.

Pilihan

Beliau turut yakin dengan penubuhan MQA, Malaysia telah berada di landasan yang betul untuk menjadi pemain utama dalam pendidikan tinggi global yang menjadi pilihan utama para pelajar di seluruh pelosok dunia mendapatkan

pengajian tinggi.

Penubuhan MQA dan pelaksanaan MQF adalah sebahagian dari reformasi pengajian tinggi negara yang termaktub dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Ia akan meningkatkan ketelusan, objektiviti dan keadilan, dan akan mengintegrasikan amalan bijak antarabangsa dengan nilai-nilai unik pengajian tinggi Malaysia. Ia juga merupakan pelantar untuk merealisasikan hasrat kerajaan untuk menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada seluruh rakyat.

Untuk menjadikan Malaysia destinasi pilihan pengajian tinggi, keyakinan awam terhadap pendidikan tinggi negara perlu terus menerus dipertingkatkan. Masyarakat hari ini, baik domestik mahupun antarabangsa, amat kritikal tentang kualiti pendidikan tinggi. Kos pengajian tinggi yang semakin meningkat, penguasaan akses hasil pendemokrasian pendidikan negara, pasaran kerja yang semakin kompetitif dan juga globalisasi pendidikan menyumbang kepada sikap prihatin dan kritikal ini.

"Dalam kita memasuki fasa baru ini, maka *mindset*, kaedah dan strategi serta cara dan budaya kerja kita juga perlu berubah. Dalam hal berkaitan kualiti, apa yang perlu kita capai bukan lagi *meeting expectations* tetapi kepada *exceeding expectations*. Matlamat kita bukan lagi setakat *meeting international standards* tetapi kita ingin sampai ke tahap *setting international standards*," katanya.

Negara-negara di Eropah saling mengiktiraf kelayakan sesama mereka menerusi keahlian di dalam apa yang dipanggil The Lisbon Convention.

Ciri-ciri penting yang menjadi kriteria konvensyen ini adalah pelaksanaan jaminan kualiti yang telus, kerangka kelayakan kebangsaan yang teratur dan pusat rujukan mengenai kelayakan yang sah.

"Inilah juga yang sedang kita usahakan melalui penubuhan MQA dan pelaksanaan MQF serta pembangunan MQR. Saya yakin, Malaysia bukan sahaja berpotensi menjadi ahli, sekurang-kurangnya ahli bersekutu, di dalam pakatan antarabangsa sebegini malah boleh menjadi penggerak utama untuk merealisasikan pakatan sedemikian untuk rantau ASEAN.

"Faktor kejayaannya bergantung kepada usaha kita untuk membuktikan kepada dunia bahawa kelayakan yang kita tawarkan dan proses menjamin kualitinya adalah setaraf dengan yang terbaik di dunia.

"Tentunya, ini adalah satu strategi yang boleh mempercepatkan dan memantapkan usaha kita menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab kecemerlangan pendidikan di rantau ini dan di peringkat antarabangsa," katanya.